

16 NOV 2003

Utar-Kampus

PEMBINAAN KAMPUS INDUK UTAR BERMULA 29 NOV

GOPENG, 16 Nov (Bernama) -- Pembinaan kampus utama Universiti Tunku Abdul Rahman (Utar) di Kampar akan bermula hujung bulan ini dan dijangka siap sepenuhnya pada akhir tahun 2006, kata Setiausaha Agung MCA Tan Sri Dr Ting Chew Peh.

Katanya kerja-kerja menanam cerucuk akan dimulakan pada 29 Nov ini di tapak kampus itu di Bandar Baru Kampar yang disumbangkan kerajaan negeri Perak.

Dr Ting berkata Utar, yang kini beroperasi di Petaling Jaya sejak penubuhannya tahun lepas, akan mengambil pelajar pertamanya bagi kampus induk itu pada 2007.

Pada tahun 2008, bilangan pelajarinya dijangka meningkat kepada 17,500 orang dan apabila siap sepenuhnya, boleh menampung 20 ribu pelajar, katanya.

Dr Ting, yang juga anggota parlimen Gopeng, berkata demikian pada majlis sambutan ulangtahun ke-54 MCA dan kutipan derma untuk pembinaan Utar anjuran MCA Bahagian Gopeng di sini malam tadi.

Pada majlis itu, sebanyak RM688,000 telah dikutip untuk mengisi tabung pembinaan Utar.

Majlis pecah tanah kampus Utar itu telah disempurnakan oleh bekas perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad awal tahun ini.

Dr Ting berkata pembinaan universiti itu menunjukkan komitmen kerajaan dalam membantu masyarakat Cina khususnya dan kaum lain amnya dalam mendapat pendidikan tinggi.

Katanya MCA menyambut baik seruan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi agar pendidikan tidak dipolitikkan kerana ia amat penting dalam meningkatkan taraf hidup rakyat negara ini.

Beliau berkata parti itu yakin masyarakat Cina akan terus memberikan sokongan mereka kepada MCA dan Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum akan datang.

"Kerajaan BN telah banyak memberi sokongan dan membantu masyarakat Cina dalam pelbagai bidang, terutamanya pendidikan dan ini terbukti dengan penubuhan Utar," katanya.

Dr Ting berkata MCA juga telah membuat persiapan rapi bagi menghadapi pilihan raya umum akan datang, termasuk menyediakan bilik-bilik gerakan di seluruh negara.

-- BERNAMA

AR RON